



SIARAN MEDIA JABATAN PENJARA MALAYSIA

LAWATAN KHAS KELUARGA PENGHUNI SEMPENA SAMBUTAN TAHUN BARU CINA

KAJANG, 13 Januari 2023 – Jabatan Penjara Malaysia membenarkan lawatan perjumpaan sempena sambutan Perayaan Tahun Baru Cina pada 22 dan 23 Januari 2023 kepada keluarga semua penghuni penjara termasuk Pusat Pemulihan Akhlak, Pusat Pemulihan Khas, Tempat Tahanan Khas dan Sekolah Henry Gurney.

Maklumat perjumpaan seperti berikut:

1. Lawatan ditetapkan pada **Hari Ketiga (24 Januari 2023)** dan **Keempat (25 Januari 2023) Perayaan**. Keutamaan lawatan diberi kepada penghuni dalam kalangan **kaum Cina** sahaja.
2. Dua (2) kaedah perjumpaan iaitu secara bersemuka dan secara dalam talian (*online/ video call*). Kaedah secara dalam talian bermula pada **26 hingga 28 Januari 2023**.
3. Keluarga yang memilih kaedah bersemuka perlu mematuhi syarat-syarat berikut:
 - 3.1 Waktu lawatan bermula dari jam 8.15 pagi hingga 4.15 petang.
 - 3.2 Membuat ujian RT-PCR atau ARTK-Ag (*swab/saliva*) dalam sah laku tiga (3) hari selepas pengambilan *sample* dan tidak bergejala sebelum hadir ke institusi berkenaan.
 - 3.3 Pelawat diminta membawa Kad Lawatan serta Kad Pengenalan bagi memudahkan urusan.
 - 3.4 Pelawat tidak dibenarkan membawa sebarang makanan dan minuman kepada penghuni. Makanan dan minuman boleh dibeli di kantin penjara.
 - 3.5 Pelawat tidak digalakkan memberi wang kepada penghuni memandangkan semua kemudahan asas telah disediakan oleh Jabatan Penjara. Sekiranya pelawat ingin memberi wang kepada penghuni atas urusan tertentu seperti bayaran yuran peperiksaan dan sebagainya, sila dapatkan resit rasmi PPT. 28 sebagai akuan penerimaan.
 - 3.6 Pelawat adalah tertakluk kepada Akta dan Peraturan Penjara yang membolehkan pihak penjara membuat pemeriksaan fizikal ketika pelawat masuk dan keluar dari penjara.

- 3.7 Seorang penghuni penjara hanya dibenarkan untuk menerima sekali sahaja lawatan daripada keluarga.
- 3.8 Lawatan perjumpaan hanya dibenarkan kepada pelawat yang membuat temujanji sahaja. Terdapat tiga (3) kaedah tempahan iaitu:
- i. Sistem i-Visit di laman web: www.prison.gov.my
 - ii. Panggilan telefon di institusi berkenaan dan
 - iii. E-mel atau surat ke institusi berkenaan.
- 3.9 Pihak institusi akan menetapkan tarikh dan sesi perjumpaan selepas tempahan dibuat.

Sila hubungi institusi berkaitan untuk mendapatkan maklumat lanjut. Maklumat institusi boleh didapati di laman web Jabatan Penjara Malaysia: **www.prison.gov.my**

-Tamat-

E-mel: pro@prison.gov.my

No. Tel: 03-8732 8388 / 8235 / 8146